MULTIMEDIA UNIVERSITY®

MMU OPEN FUTSAL TOURNAMENT 2012 : SUPPORTERS CLUB CHAMPIONSHIP

UNDANG-UNDANG

Kejohanan ini akan dipertandingkan mengikut Undang-undang Persatuan Bolasepak Antabangsa (FIFA) dan juga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang sedang berkuatkua sa masa kini.

PERATURAN KEJOHANAN

PENGENALAN

Kejohanan ini dikenali sebagai **MMU OPEN FUTSAL CUP 2012 : SUPPORTERS CLUB CHAMPIONSHIP** dianjurkan oleh **Sekretariat Sekolah@MMU, Universiti Multimedia** sebagai salah satu cara mengumpul dana bagi program amal kesedaran ilmu ict di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia.

,
Keseluruhan pertandingan akan diadili oleh pengadil bertauliah dari Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

TARIKH DAN TEMPAT

Kejohanan ini akan diadakan pada **29hb APRIL 2012** bertempat di **Sport Planet Subang** bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada 8.00 malam.

Taklimat dan undian akan dijalankan pada **28hb APRIL 2012 (SABTU)** di **Sport Planet Subang** pada pukul 9.00 malam.Pihak penganjur berhak menjalankan undian secara rawak bagi pihak sekiranya tiada wakil.

FORMAT KEJOHANAN

Kejohanan akan dijalankan secara **LIGA** pada peringkat kumpulan dan Kalah Mati pada peringkat seterusnya termasuk suku akhir, separuh akhir dan akhir.

Masa bermain adalah **7 minit** iaitu secara terus (tiada separuh masa pertama dan separuh masa kedua) .
Bagi Perlawanan **Separuh Akhir, Ke3/4, Akhir**, masa permainan adalah **15 minit** iaitu 7 minit pada separuh masa pertama, 7 minit pada separuh masa kedua termasuk 1 minit waktu rehat.

Pusingan awal :
Pusingan awal akan dijalankan secara liga. Cara memberi mata adalah seperti berikut.
Menang – 3 mata
Seri - 1 mata
Kalah - 0 mata

Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah **diberi 3(tiga) mata** dengan jaringan **3 – 0**. Jika terdapat mana-mana pasukan yang digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa-apa jua sebab sekali pun, maka mata dan jaringan gol yang masuk dan kena hendaklah diambil kira.

Jika 2(dua) atau lebih pasukan memperolehi **mata yang sama atau seri**, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :

- Pasukan yang memenangi **lebih perbezaan gol** akan dikira menang.
-Jika masih seri,pasukan yang **menjaringkan lebih banyak gol** dikira menang.
- Jika masih seri, pasukan yang telah **mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal dikira menang**.
- Jika masih seri juga, **tendangan penalti** akan dijalankan untuk menentukan pemenang secara bergilir-gilir sehingga bertemu dengan pemenangnya.
-Kesemua perlawanan **pusingan kedua** merupakan perlawanan **kalah mati**. Jika seri, tendangan **penalti** akan dilakukan.

Bagi **pusingan kedua (kalah mati),** pihak penganjur akan mengadakan **undian** untuk menyusun jadual perlawanan peringkat tersebut.

Hanya **Johan** dan **Naib Johan** setiap kumpulan sahaja akan **layak** ke **pusingan kedua (kalah mati).**

KATEGORI PERTANDINGAN

Pertandingan adalah untuk kategori **LELAKI** dan **TERBUKA** kepada semua.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada **8 orang pemain (MAKSIMUM).**

Keutamaan diberikan kepada pasukan dari MMU dan pasukan kelab penyokong.

Hanya **1 orang** sahaja pemain yang pernah mewakili Negara dan negeri bagi pertandingan peringkat KEBANGSAAN, MAKSA dan SUKMA tahun 2005 hingga kini yang boleh didaftarkan dalam pasukan.

Bagi pasukan dari MMU, hanya **2 orang** sahaja pemain dari luar yang dibenarkan untuk didaftarkan dalam satu pasukan.

Setiap pemain hanya dibenarkan mewakili satu pasukan sahaja.

Setiap pasukan dari MMU dan Pasukan Kelab Penyokong dikenakan yuran penyertaan **RM180.00,** dan yuran penyertaan daripada pasukan luar adalah **RM200.00**.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Semua jadual perlawanan termasuk tarikh, masa dan tempat perlawanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur Kejohanan.

Semua pasukan dikehendaki berada dan sedia untuk bermain di tempat pertandingan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.Hanya 3 minit masa menunggu sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat.Jika melebihi masa lewat, pasukan lawan akan memperolehi kemenangan percuma dengan agregat 3-0 dan 3 mata kemenangan penuh.

Pihak penganjur berhak dan berkuasa menangguhkan atau mengubah sesuatu perlawanan dengan memaklumkan kepada pasukan yang terlibat atau diputuskan dengan serta merta tanpa diberitahu terlebih dahulu.

Hanya pemain-pemain yang didaftarkan dalam Borang Penyertaan sahaja dibenarkan bermain di sepanjang pertandingan ini.

Setiap pasukan boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyertakan wang cagaran bantahan sebanyak **RM 50.00,** tidak lewat dari 15 minit selepas permainan yang dibantah itu tamat.

Bantahan akan didengar oleh Jawatankuasa Rayuan di bawah Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pengadilan. Keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad.

Sekiranya bantahan atau rayuan itu benar dan diterima oleh Jawatankuasa , maka wang cagaran itu akan dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat oleh pihak penganjur berhubung dengan rayuan atau bantahan tersebut.

Wang cagaran akan hilang dan menjadi hak penganjur sekiranya rayuan atau bantahan ditolak oleh Jawatankuasa Rayuan.

Syarat-syarat dan peraturan di atas boleh diubah atau ditambah oleh penganjur tanpa perlu memaklumkan kepada pasukan-pasukan yang akan bertanding.

Sekiranya penganjur mendapati mana-mana pasukan yang gagal mematuhi peraturan, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan pasukan berkenaan untuk menyertai kejohanan ini.

Sebarang insiden kurang sihat yang boleh mencemarkan nama baik industri sukan tanah air seperti pergaduhan, isu perkauman dan lain-lain adalah amat dielakkan. Pihak penganjur tidak teragak-agak untuk membatalkan penyertaan pasukan yang didapati bersalah seperti kenyataan di atas.

Keputusan pihak penganjur kejohanan dalam sebarang perkara adalah muktamad.

HADIAH PERTANDINGAN

HADIAH PERTANDINGAN KATEGORI LELAKI TERBUKA	
KEDUDUKAN	**NILAI HADIAH (RM)**
JOHAN	RM 2500.00 + Trofi + Medal + Sijil
NAIB JOHAN	RM 1500.00 + Medal + Sijil
KETIGA	RM 500.00 + Medal + Sijil

Terdapat hadiah sampingan bagi kategori di bawah :

- Pemain Terbaik (Hamper & Plaque)
- Sorakan Kelab Penyokong Terbaik(Hamper & Plaque)
- Jersi Pasukan Terbaik (Hamper & Plaque)
- Anugerah “MMU FAIR PLAY “ (Hamper & Plaque)

MULTIMEDIA UNIVERSITY®

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 26 APRIL 2012

MMU OPEN FUTSAL CUP : CLUB SUPPORTERS CHAMPIONSHIP

BORANG PENDAFTARAN PASUKAN

NAMA KUMPULAN :

NAMA KETUA PASUKAN : ----------

NO. TELEFON : ----------(R)----------(P)----------(HP)

NO KAD PENGENALAN : ----------

BUTIRAN PEMAIN

KATEGORI : **TERBUKA LELAKI**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			





PETA KE SPORT PLANET SUBANG

PENGAKUAN DIRI

Saya pengurus pasukan seperti nama di bawah dengan ini bersetuju mengikut segala undang-undang dan peraturan serta mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan pasukan saya mengaku tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan terhadap pihak penganjur dan agennya di atas sebarang musibah ke atas diri/pasukan saya sebelum, semasa dan selepas menyertai pertandingan ini

Tandatangan :_____ Tarikh :_____
(Pengurus pasukan)

_____

KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA (***peserta yang berumur bawah 18 tahun sahaja)***

Pengakuan : Saya_____Ibu Bapa/ Penjaga kepada penama bersetuju untuk memberi kebenaran dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur serta mengakui bahawa jika berlaku apa-apa kehilangan / kecederaan atas sebab-sebab tertentu sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah di bawah tanggungjawab saya sendiri.

TANDATANGAN :_____**TARIKH** :_____

*Pihak penganjur berhak memeriksa identiti peserta bagi tujuan pengesahan ketika pendaftaran.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
URUSETIA
MMU OPEN FUTSAL CUP : CLUB SUPPORTERS CHAMPIONSHIP
Universiti Multimedia ,Cyberjaya
010-4005610 (Syafiq)
019-2261614 (Aspa)
014-3245280 (Aswad)

BAYARAN PENYERTAAN BOLEH DIBUAT DENGAN CARA:
CASH – Sekretariat Sekolah@MMU
Universiti Multimedia ,Cyberjaya

CASH DEPOSIT – AKAUN URUSETIA
MOHAMAD SYAFIQ BIN AZHAR
(CIMB BANK–12830000534529)

*Sila maklumkan kemasukkan wang tunai pihak tuan kepada pihak yang boleh dihubungi seperti
yang tertera di atas dan simpan salinan resit deposit tunai untuk rujukan pihak kami.
HANYA CARA BAYARAN YANG DINYATAKAN SAHAJA ADALAH DIBENARKAN.

SEGALA PENYERTAAN DAN BAYARAN AKAN DITUTUP PADA 26 APRIL 2012 IAITU TARIKH TUTUP PENYERTAAN SEBELUM JAM 12.00 AM

www.facebook.com [kata carian : MMU OPEN FUTSAL CUP 2012]